

## **SKRIP UCAPAN TAHNIAH SEMPENA MAJLIS INAUGURASI BADAN PERHIMPUNAN HAKIM PEREMPUAN INDONESIA (BPHPI)**

Yang Mulia Ketua Mahkamah Agung Republik Indonesia  
**Prof. Dr. Muhammad Syarifuddin, SH., MH**

Para hakim Badan Kehakiman Indonesia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.

Saya amat berbesar hati untuk merakamkan ucapan syabas kepada Badan Kehakiman Indonesia atas peristiwa penting penubuhan Badan Perhimpunan Hakim Perempuan Indonesia (BPHPI). Hari ini, pada tanggal 12 Januari 2024, kita menyaksikan kelahiran sebuah organisasi yang akan menjadi mercu aras kemajuan, kesaksamaan dan pemeraksanaan. Saya difahamkan bahawa BPHPI mempunyai seramai 2211 orang hakim wanita sebagai anggotanya di seluruh Indonesia yang berasal dari 4 bidang kuasa kehakiman iaitu mahkamah umum, mahkamah pentadbiran negara, mahkamah agama, dan mahkamah tentera.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Yang Arif Hakim Dr. Nani Indrawati dari Kamar Sivil Mahkamah Agung Indonesia, yang memainkan peranan utama dalam penubuhan BPHPI dan selayaknya dilantik sebagai Pengerusi BPHPI yang pertama.

Inisiatif bersejarah dalam penubuhan BPHPI menandakan satu langkah signifikan ke arah memupuk kepelbagaian jantina dan inklusif dalam sistem perundangan Indonesia. Penubuhan persatuan ini bukan hanya suatu simbolik bagi para wanita sukses yang telah mendedikasikan diri demi keadilan namun ianya juga menandakan suatu komitmen untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Seraya kita meraikan detik ini, adalah penting untuk kita mengiktiraf sumbangan besar para hakim wanita terdahulu yang telah menempuh ranjau yang berliku dan onak berduri untuk membuka jalan bagi generasi berikutnya. Dedikasi mereka dalam menegakkan prinsip keadilan, kesamaan dan kesetaraan menjadi inspirasi kepada kita semua.

Persatuan ini menyediakan platform bagi tujuan kerjasama, bimbingan dan advokasi. Dengan bergabung tenaga, peluang untuk meningkatkan impak dalam memastikan sistem perundangan Indonesia sentiasa

reflektif dengan kepelbagaian perspektif dan bakat yang ada dalam masyarakat terkini.

Semoga Badan Perhimpunan Hakim Perempuan Indonesia menjadi pemangkin akses kepada keadilan sejagat, platform perkembangan idea-idea bernas, pusat pengukuhan rangkaian kehakiman serta usaha kolektif yang akan membawa transformasi berkekalan dalam landskap undang-undang Indonesia. Saya tidak ragu-ragu bahawa usaha BPHPI akan menyumbang dengan ketara kepada masa depan yang lebih adil, inklusif dan saksama untuk semua.

Sekali lagi, setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian yang luar biasa ini, dan saya berharap dapat menyaksikan efek pengaruh BPHPI yang tentunya akan membawa kemaslahatan pada Badan Kehakiman Indonesia bagi tahun-tahun yang mendatang, insya'Allah.

Terima kasih.